



PERBADANAN KEMAJUAN TANAH ADAT MELAKA
IKLAN JAWATAN KOSONG

No 40 – 48, Jalan BKD 27, Taman Bukit Katil Damai 2, Bukit Katil, 75450, Melaka.
Tel : 06-2347041 Fax : 06-2347030

Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka merupakan Badan Berkanun Negeri Melaka dengan ini membuka peluang kerjaya bagi calon – calon warganegara Malaysia (keutamaan kepada anak Negeri Melaka) yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:-

| SKIM PERKHIDMATAN | GRED | JADUAL GAJI MINIMUM - MAKSIMUM | KEKOSONGAN | TARAF JAWATAN |
|---|------|--------------------------------------|------------|------------------|
| PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA | J41 | RM 2,529.00 – RM 9,643.00 | 1 | KONTRAK |

A. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (i) Warganegara Malaysia (keutamaan kepada anak Negeri Melaka);
- (ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (iii) Mempunyai kelayakan akademik seperti berikut:-
 - a) Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji Permulaan pada Gred J41 : RM2,529.00); atau
 - b) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Geografi, Ekonomi, Sains Sosial, Antropologi atau Perangkaan yang diiktiraf oleh Kerajaan dan Ijazah Sarjana atau Diploma Lepasan Ijazah dalam bidang Perancangan Bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan pada Gred J41 : RM2,529.00); atau
 - c) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Awam dan Ijazah Sarjana atau Diploma Lepasan Ijazah dalam bidang Perancangan Bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan pada Gred J41 : RM2,736.28); atau
 - d) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina dan Ijazah Sarjana atau Diploma Lepasan Ijazah dalam bidang Perancangan Bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan pada Gred J41 : RM2,943.84);

- (iv) Berpengalaman lebih 2 hingga 3 tahun dalam bidang perancangan pembangunan dan hal – hal berkaitan.
- (v) Deskripsi Tugas – Merancang, menyedia, menyelia dan menyelaras kajian rancangan pembangunan dan pelan-pelan pembangunan serta membuat laporan teknikal dan memberi nasihat perancangan termasuk pelan Tatatur. Mempunyai pengetahuan menggunakan AutoCAD, Pembentangan 3D dan konsep perancangan pembangunan.

B. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

C. CARA MEMOHON

- (i) Borang permohonan boleh dimuat turun dari laman web PERTAM di <http://www.pertam.gov.my/>
- (ii) Borang permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen berikut:-
 - a. Salinan Kad Pengenalan
 - b. Sijil Kelahiran
 - c. Sijil – sijil Keputusan Peperiksaan Persekolahan / Diploma / Ijazah atau lain – lain berkaitan.
 - d. Sekeping gambar berukuran passport
 - e. Salinan lesen kenderaan (bagi jawatan Pemandu Kenderaan sahaja)
- (iii) Setiap salinan sijil/dokumen hendaklah disahkan oleh Pegawai Kerajaan (Kumpulan Pengurusan & Profesional) / Pengetua Sekolah / Wakil Rakyat / Penghulu / Ketua Kampung.
- (iv) Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, permohonan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing.
- (v) Semua dokumen hendaklah dikepilkkan dengan kemas bagi mengelakkan kecinciran / kehilangan dokumen. Nama jawatan yang dipohon hendaklah dicatat sebelah atas kiri sampul surat.
- (vi) Borang yang **TIDAK LENGKAP DIISI / TIDAK MEMENUHI SYARAT AKAN DITOLAK**. Satu borang adalah untuk satu jawatan sahaja.
- (vii) Untuk sebarang pertanyaan / keterangan lanjut, sila hubungi Bahagian Pentadbiran PERTAM di nombor telefon 06-2347041.
- (viii) Borang yang telah lengkap diisi hendaklah diserahkan secara pos atau serahan tangan selewatnya pada 16 Oktober 2024 jam 4.00 petang di kaunter PERTAM seperti mana alamat berikut :-

Ketua Pegawai Eksekutif,
Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM),
No 40 – 48, Jalan BKD 27,
Taman Bukit Katil Damai 2,
75450, Melaka.
(u.p : Unit Pentadbiran dan Sumber Manusia)

D. TARIKH IKLAN : 07 OKTOBER 2024

E. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 16 OKTOBER 2024